

Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-37



Anwar pada persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-37 anjuran ISIS di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

China, Filipina perlu tangani isu perairan secara diplomatik

Anwar jamin Malaysia akan terbabit aktif dalam kerangka kerja ASEAN

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketegangan antara China dan Filipina susulan perebutan perairan wilayah di Laut China Selatan, perlu diselesaikan dengan pembabitan diplomatik yang agresif, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan ada dihubungi oleh Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr, yang membangkitkan perkara berkenaan dan Malaysia memberi jaminan untuk terus terbabit secara aktif dalam kerangka kerja ASEAN.

"Saya memahami kebimbangan dibangkitkan Presiden Filipina dalam banyak perbincangan kami. Apabila beliau meminta pandangan, saya katakan pandangan peribadi saya ialah kita (Malaysia) mengambil cara lebih agresif untuk terbabit secara diplomatik dan kita agak berjaya dalam perkara itu.

"Ada beberapa isu yang sangat serius juga dengan Malaysia, tetapi kami secara relatifnya lebih berjaya dalam hal itu kerana dianggap berkecuali dalam perbincangan itu," katanya pada persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-37 (APR) anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Pengerusi ISIS, Profesor Datuk Faiz Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan perwakilan dari Filipina berhubung pendekatan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dalam menangani kebimbangan Filipina di Laut China Selatan.

Anwar turut mengulangi pendirian bahawa isu itu perlu diselesaikan dalam kalangan negara anggota ASEAN dan China tanpa campur tangan pihak luar.

"Pembabitan pihak lain hanya akan lebih merumitkan keadaan," katanya.

Laporan sebelum ini menyebut, Presiden Filipina memberi amaran supaya China tidak melintasi garisan merah di Laut China Selatan, menyebabkan perselisihan faham antara kedua-dua negara terus memuncak.

Malaysia kekal berkecuali

Ketika menyampaikan ucapan pada persidangan berkenaan, Anwar menegaskan Malaysia kekal berkecuali dan tidak memilih mana-mana kuasa besar di tengah-tengah ketegangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

Katanya, spekulasi berterusan mengenai negara dipilih Malaysia bukan sahaja tidak produktif, tetapi turut menyumbang kepada timbulnya ketidakpercayaan dan prasangka.

"Mengandaikan Malaysia cenderung kepada pihak tertentu pihak bukan sahaja tanggapan berlebihan, tetapi juga memberi persepsi salah terhadap kepentingan negara.

"Kami bebas dan merdeka.

Maksudnya, kami enggan ditakrifkan bagaimana kuasa besar melihat dunia dan Malaysia akan terus berusaha demi kepentingan nasional dan strategiknya, yang ditakrif ikut syarat sendiri.

"Malaysia mementingkan keamanan dan kemajuan, saling menghormati dan yang paling penting, pematuhan kepada undang-undang dan kerjasama antarabangsa," katanya.

Sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan, Anwar berkata, Malaysia akan berusaha bersama negara anggota untuk mendepani cabaran, sekali gus meredakan krisis di Myanmar.

"Mesej ASEAN mesti datang daripada penyatuan suara.

"Biarpun bukan hak kami memutuskan apa yang terbaik untuk rakyat Myanmar, adalah menjadi tanggungjawab kami, rakan dan jiran untuk membantu memudahkan apa dan di mana yang kami boleh," katanya.

Menyentuh mengenai perkembangan di Asia Barat, Perdana Menteri meminta AS konsisten dengan pendekatan terkini terhadap konflik di Gaza dan mahu negara kuasa besar itu segera menamatkan konflik berdarah di sana.

"Presiden Joe Biden baru-baru ini menyatakan kekecewaan dengan rakan sejawatannya dari Israel, malah mula mendesak penerimaan cadangan gencatan senjata sebagai pertukaran untuk pembebasan tebusan.

"Kita mengalu-alukan petanda awal perubahan dalam pendekatan AS terhadap konflik di Gaza dan berharap AS kekal dengan pendekatan untuk menamatkan penderitaan dan pembunuhan beramai-ramai," katanya.